

RM14.5 juta dimasukkan ke akaun peribadi Najib

Oleh HANIZA HASSAN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 APRIL

MAHKAMAH Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa sebanyak RM14.5 juta dimasukkan ke dalam akaun AmBank peribadi milik Datuk Seri Najib Tun Razak pada tahun 2014 dan 2015.

Pengurus AmBank Cawangan Jalan Raja Chulan, R. Uma Devi, 39, berkata, rekod transaksi berkenaan terdapat dalam penyata akaun AmBank bernombor 211-202-2011898 milik Najib.

Ketika membaca keterangan saksinya, Uma Devi berkata, bagi tempoh 31 Julai 2013 hingga 9 Mac 2015 terdapat tiga transaksi kemasukan wang ke dalam akaun berkenaan.

"Pada 8 Julai 2014 wang berjumlah RM10 juta dimasukkan ke dalam akaun Najib manakala dua lagi transaksi berjumlah RM1 juta dan RM3.5 juta, masing-masing dimasukkan pada 23 Julai 2014 dan 11 Februari 2015," katanya dalam perbicaraan hari ke sembilan melibatkan Najib hari ini.

Terdahulu, Uma Devi turut mengesahkan akaun bernombor 211-202-2011898 adalah milik bekas Perdana Menteri itu yang dibuka pada 31 Julai 2013 dan diletak sebagai AmPrivate Banking-Y1MY sebagai nama utama dan diikuti nama Najib.

Sementara itu, saksi pendakwaan ke-21 turut memberitahu mahkamah bahawa baki semua akaun peribadi milik Ahli Parlimen Pekan itu yang berjumlah lebih RM103,361.17 dipindahkan ke akaun syarikat Ihsan Perdana Sdn. Bhd. melalui satu cek bertarikh 9 Mac 2015.



NAJIB TUN RAZAK berbincang dengan peguam, **Muhamad Farhan Muhammad Shafee** mengenai perbicaraan kes pecah amanah, salah guna kedudukan dan pengubahan wang haram membabitkan dana SRC International di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Ihsan Perdana merupakan syarikat yang mengendalikan tanggungjawab sosial korporat bagi SRC International Sdn. Bhd.

"Saya mengesahkan, baki jumlah yang ada pada akaun dengan nombor akhir 898 sebelum ia ditutup adalah RM721.57, manakala baki bagi akaun dengan nombor akhir 880 ialah RM690.11 dan baki bagi akaun dengan nom-



R. UMA DEVI

bor akhir 906 ialah RM101,962.14," kata Uma Devi.

Ketika pemeriksaan balas oleh peguam Harvinderjit Singh yang mewakili Najib berhubung serbuan pada 6 Julai 2015, Uma Devi mengesahkan dia berada di bank tersebut ketika itu apabila beberapa pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) datang untuk mendapatkan maklumat berhubung akaun.

"Pada waktu itu mereka datang dalam kumpulan besar kira-kira dalam 11 orang. Mereka beritahu dokumen itu diperlukan untuk siasatan mengikut Akta Pengubahan Wang Haram.

"Lapan fail diberikan kepada pihak BNM. Ia mengandungi maklumat berhubung pembukaan akaun itu. Mereka juga turut meminta transaksi spesifik beberapa akaun dan saya maklumkan perlu sedikit masa kerana perlu mendapatkannya daripada cawangan lain juga.

"Saya hanya dapat memberikan fail itu pada sebelah malam," katanya.

Dalam sesi yang sama, saksi menyatakan, semua pemegang akaun bertanggungjawab terhadap transaksi perbankan akaun sendiri walaupun tidak menerima penyata bank.

Beliau berkata, tanggungjawab itu ada dalam terma kontrak antara pelanggan dan bank.

Terdahulu, Uma Devi menyatakan sepanjang pengetahuannya, Najib tidak pernah membuat sebarang laporan atau aduan berhubung sebarang aktiviti yang mencurigakan, kesilapan atau percanggahan berkaitan akaun-akaun miliknya di bank itu.

Pada 4 Julai dan 8 Ogos tahun lalu, Najib, 66, mengaku tidak bersalah di atas pertuduhan tiga pertuduhan pecah amanah, satu pertuduhan salah guna kedudukan dan tiga pertuduhan pengubahan wang haram berhubung dana SRC.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali bersambung dengan mahkamah akan mendengar permohonan Najib untuk mengisytiharkan tujuh pertuduhan yang sedang dibicarakan ini adalah cacat.